



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 1 OGOS 2022**

<b>BIL</b>	<b>TRJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	SEKATAN EKSPORT AYAM KE SINGAPURA HANYA SEMENTARA, BH -ONLINE MAHA 2022: SEMBILAN MOU AKAN DITANDATANGANI, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE MAFI BINCANG KEPUTUSAN SEBELUM DIBAWA KE KABINET, NASIONAL, BH -13 MAHA 2022 DIJANGKA JANA LEBIH RM4 BILION, NEGARA, KOSMO -5 TEKNOLOGI, INOVASI TERKINI PADA MAHA 2022, NEGERI SELANGOR, SH -34 KOMUNIKASI KORPORAT LAKSANA PROGRAM PERUBAHAN BERPAKSIKAN RAKYAT, FORUM, UM -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8.	TIADA NIAT JUAL 'TAM' LEMBU SADO, NEGARA, KOSMO -17 DITAWAR LEBIH RM30,000, TAM SI LEMBU SADO TAK AKAN DIJUAL, DALAM NEGERI -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9. 10. 11.	APMM RAMPAS 20 BUBU NAGA DI PERAIRAN KUALA PERLIS, NEGARA, KOSMO -16 KAYU PANCANG DEDAH BUBU NAGA, LOKAL, HM -21 20 BUBU NAGA KENA RAMPAS DI PERAIRAN KUALA PERLIS, NASIONAL, BH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	AYAM RM6.50 SEKILOGRAM HABIS DALAM DUA JAM, NASIONAL, BH -19	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	AGROBANK PERKENAL TAKAFUL KASIH PLUS EDISI MAHA 2022, BISNES, BH -28	AGROBANK
14. 15.	PPK ASUN, AGRO ORGANIC NURTURE KERJASAMA TINGKATKAN HASIL PADI, BISNES, SH -36 SOS CILI ALLYA BAKAL KE SELURUH NEGARA, EKONOMI, UM -37	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Sekatan eksport ayam ke Singapura hanya sementara



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

KUALA LUMPUR: Sebarang keputusan baharu mengenai sekatan eksport ayam ke Singapura akan dibincangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebelum dibawa ke Kabinet untuk diputuskan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata sekatan itu hanya bersifat langkah intervensi sementara berdasarkan situasi dalam negara ini.

Katanya, apabila keputusan itu dilakukan, ia adalah keputusan daripada Kabinet dan bersandarkan kepada langkah sementara saja.

"Buat masa ini kita sedang memerhatikan kedudukan bekalan dan harga ayam semasa.

"Tentu sekali kita akan meneliti semula kepada keputusan itu sama ada langkah sementara itu perlu diubah atau sebaliknya," katanya selepas Program Media Tour MAHA 2022, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Semalam, dilaporkan sebuah syarikat pertanian makanan Indonesia merancang menubuhkan tiga ladang baharu di Bintan tahun ini, untuk meningkatkan bekalan ayam hidup ke Singapura.

Pada Jun lalu, media melaporkan pihak berkuasa Indonesia berharap dapat mencapai persetujuan dengan Singapura bagi mengeksport ayam ketika republik itu terdesak mencari bekalan alternatif selepas Malaysia mengehadkan eksport ayam.

Susulan masalah bekalan akibat isu kekurangan makanan dan masalah rantaian bekalan yang mengancam seluruh dunia, Malaysia mengehadkan eksport ayam mulai Jun lalu sehingga keluaran tempatan dan kos operasi bertambah stabil.

Tindakan itu memberi kesan besar kepada Singapura terutama bagi restoran dan gerai menghidangkan nasi ayam, yang menjadi makanan pilihan utama dan dianggap hidangan nasional di republik itu.

Sementara itu, mengulas perkembangan MAHA 2022, Ronald berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan terakhir dilakukan penganjur dan pempamer.

"Sebanyak 1,500 reruai akan memeriahkan MAHA 2022 dan berharap kedatangan pengunjung akan melebihi daripada MAHA sebelum ini.

"Ini penganjuran hebat selepas empat tahun MAHA tidak dianjurkan dan pastinya semua pengunjung tidak sabar menanti apa yang akan ditawarkan semua pempamer," katanya.

01 AUG, 2022

## MAHA 2022: Sembilan MoU akan ditandatangani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### MAHA 2022: Sembilan MoU akan ditandatangani

**SERDANG:** Sembilan Memorandum Persefahaman (MoU) membabitkan nilai pelaburan melebihi RM4 bilion akan ditandatangani Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan pemain industri menerusi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kindee berkata penerbitan MoU itu akan membabitkan pemain industri dalam dan luar negara sepanjang penganjuran pameran tersebut dari 4 hingga 14 Ogos ini.

"Kita melihat sambutan daripada pihak industri dan pemain tempatan, tentu ia akan memberi satu ruang

pameran expo (MAHA) yang dinantikan oleh rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak MAHA 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

MAHA 2022 akan dimeriahkan dengan lapan laman pertanian sebagai tarikan pengunjung iaitu Laman Perikanan, Laman Padi, Laman Ternakan, Laman Herba dan Sayur, Laman Buah-buahan, Laman Nanas, Laman Jentera dan Laman Florikultur.

Beliau berkata MAHA 2022 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' akan mengemukakan banyak pendekatan baharu dan mekanisme termasuk Internet benda (IoT) dan

penemuan teknologi baharu dalam mempertingkatkan produktiviti.

"Ruang pameran MAHA akan memberi ruang kepada pemain industri kecil, sederhana dan besar untuk mempromosikan produk hiliran daripada sektor pertanian ini," katanya.

Ronald berkata kesemua lapan laman tersebut mempunyai tarikan tersendiri bergantung kepada minat pengunjung dalam industri pertanian.

"Bagi pengunjung yang ingin melihat sawah, mereka akan berkunjung ke laman padi dan mereka yang ingin melihat sektor perikanan, tentunya akan berkunjung ke laman perikanan," katanya. — Bernama



**LAWATAN:** Ronald (dus kanan) melakukan lawatan di checkpoint pertama Castle of Fruits & Food Truck Fiesta oleh FAMA pada Media Tour MAHA 2022 @ Road to MAHA Zon Tengah di Laman Tiba 1 MAEPS, Serdang, semalam. — Bernama



01 AUG, 2022

## MAHA 2022: Sembilan MoU akan ditandatangani

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SERDANG: Sembilan Memorandum Persefahaman (MoU) membabitkan nilai pelaburan melebihi RM4 bilion akan ditandatangani Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan pemain industri menerusi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata pemeteraian MoU itu akan membabitkan pemain industri dalam dan luar negara sepanjang penganjuran pameran tersebut dari hingga 14 Ogos ini.

## Sekatan eksport ayam ke Singapura MAFI bincang keputusan sebelum dibawa ke Kabinet

**Serdang:** Sebarang keputusan baharu mengenai sekatan eksport ayam ke Singapura akan dibincangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebelum dibawa ke Kabinet untuk diputuskan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata sekatan itu hanya bersifat langkah intervensi sementara berdasarkan situasi dalam negara ini.

Katanya, apabila keputusan itu dilakukan, ia adalah keputusan daripada Kabinet dan bersandar kepada langkah sementara saja.

“Buat masa ini kita sedang merhatikan kedudukan bekalan dan harga ayam semasa.

“Tentu sekali kita akan meneliti semula kepada keputusan

itu sama ada langkah sementara itu perlu diubah atau sebaliknya,” katanya selepas program jelajah media sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Kelmarin, dilaporkan sebuah syarikat pertanian makanan Indonesia merancang menubuhkan tiga ladang baharu di Bintan tahun ini, untuk meningkatkan bekalan ayam hidup ke Singapura.

Pada Jun lalu, media melaporkan pihak berkuasa Indonesia berharap dapat mencapai persetujuan dengan Singapura bagi mengeksport ayam ketika republik itu terdesak mencari bekalan alternatif selepas Malaysia me-



Ronald (tiga dari kanan) melawat ruang pameran pada Pameran MAHA di Serdang, semalam. Turut kelihatan, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid (dua dari kanan). (Foto BERNAMA)

gehadkan eksport ayam.

### Had eksport ayam

Susulan masalah bekalan akibat isu kekurangan makanan dan masalah rantaian bekalan yang mengancam seluruh dunia, Malaysia mengemukakan eksport ayam mulai Jun lalu sehingga keluaran tempatan dan kos operasi bertambah stabil.

Tindakan itu memberi kesan besar kepada Singapura terutama bagi restoran dan gerai menghidangkan nasi ayam, yang menjadi makanan pilihan utama dan dianggap hidangan nasional di republik itu.

Sementara itu, mengulas perkembangan MAHA 2022, Ronald berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan terakhir dilakukan

kan penganjur dan pempamer. “Sebanyak 1,500 retuai akan memeriahkan MAHA 2022 dan berharap kedatangan pengunjung akan melebihi daripada MAHA sebelum ini.

“Ini penganjuran hebat selepas empat tahun MAHA tidak dianjurkan dan pastinya semua pengunjung tidak sabar menanti apa ditawarkan pempamer,” katanya.





**RONALD (depan) semasa melakukan lawatan ke sekitar tapak pameran pada Program Media Tour MAHA 2022@ Road To MAHA Zon Tengah di MAEPS, Serdang semalam. – MOHD. FIRDAUS MOHD. JOHARI**

## MAFI tandatangan 9 MoU bersama pemain industri **MAHA 2022** dijangka jana lebih **RM4 bilion**

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**

**SERDANG** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dijangka akan menandatangani sembilan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pemain industri sepanjang Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2022 berlangsung membabitkan nilai pelaburan lebih RM4 bilion.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, MoU tersebut akan ditandatangani membabitkan pemain industri domestik dan juga teknologi dari luar negara.

"Kita jangka akan tandatangi

sembilan MOU besar melibatkan pelaburan lebih RM4 bilion dan semua ini akan berlaku sepanjang 11 hari MAHA dianjurkan.

"Saya lihat sambutan daripada pemain industri tempatan agak menggalakkan dan ruang pameran yang disediakan juga tentu akan beri peluang kepada pemain industri kecil, sederhana dan besar bagi mempromosikan produk hiliran daripada sektor pertanian," ujarnya pada sidang akhbar ketika Media Tour MAHA 2022@Road To MAHA Zon Tengah di MAEPS di sini semalam.

Menurutnya, MAHA 2022 ini akan mengetengahkan pendekatan dan mekanisasi serta kandungan baharu berasaskan

teknologi, terutamanya Internet Kebendaan (IoT) demi meningkatkan produktiviti dan kecekapan lebih baik.

Mengulas berkenaan persiapan MAHA 2022, beliau memberitahu, pihaknya yakin dalam tempoh tiga hari sebelum MAHA beroperasi sepenuhnya iaitu pada 4 Ogos ini semua persiapan akan lengkap.

"Kita jangka sebanyak 1,500 booth pameran akan dibuka dan kita yakin lebih ramai pengunjung akan hadir ke MAHA 2022 kali ini selepas penganjurannya ditunda pada 2020 akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan," ujarnya.



## Teknologi, inovasi terkini pada MAHA 2022

**SERDANG** – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang bakal berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos depan kini sedia dikunjungi apabila persiapan di tapak programnya hampir 100 peratus siap.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tapak pameran itu akan bersedia sepenuhnya dengan pelbagai program serta acara menarik yang akan berlangsung sepanjang tempoh tersebut.

“Seramai 100,000 pengunjung setiap hari dijangka membanjiri MAHA 2022 menjelang penganturannya nanti,” katanya kepada pemberita pada Program Media Tour MAHA 2022 di sini pada Ahad.

Program itu adalah sebahagian daripada aktiviti khas MAFI bersama media bagi meninjau persiapan di tapak selain bertujuan mempromosi MAHA 2022 yang merupakan pameran pertanian terbesar dan berprestij.

MAHA 2022 bakal menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi tempatan dan luar negara. Selain itu, pameran ini turut mengangkat strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta pendekatan lain yang mampu membantu sektor tersebut.

Selain aktiviti promosi dan publisiti yang giat dijalankan oleh MAFI, MAHA 2022 turut mendapat sambutan



Ronald meninjau persiapan MAHA 2022 di Serdang pada Ahad.

Kad Eksklusif Takaful Edisi MAHA 2022 juga ditawarkan kepada pelanggan yang melanggan mana-mana pelan Takaful Kasih Plus di Pusat MAEPS Serdang sepanjang MAHA 2022 berlangsung.

Bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan, Ronald menambah, fokus MAHA 2022 adalah kepada komponen-komponen seperti Agro Trade iaitu melibatkan aktiviti perniagaan dan padanan perniagaan serta mempromosi produk tempatan dan antarabangsa.

“Ia juga melibatkan komponen Agro Edutainment bagi mempromosi serta memberi kesedaran tentang kepentingan sektor agromakanan dalam menjamin sumber bekalan makanan negara dan Agro Lifestyle bagi memamerkan gaya hidup keluarga agro serta aktiviti-aktiviti nilai tambah di sepanjang rantaian nilai agromakanan.

“Selain itu, terdapat juga aktiviti bagi menarik golongan muda iaitu Agro Youth untuk menggalakkan dan mendorong pembangunan usahawan tani muda, manakala Agro Tourism pula bagi mempromosi industri agropelancongan dan Agro Tech untuk memamerkan penggunaan teknologi dan jentera terkini dalam sektor pertanian.

“Agro Job Fair yang akan mempromosikan potensi serta peluang pekerjaan yang tersedia dalam sektor pertanian dijangka mendapat sambutan,” ujarnya.

Integrated Farming Holdings Sdn Bhd.

Pada majlis sama, Agrobank turut melancarkan kad istimewa MAHA 2022 yang dikenali sebagai Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022 iaitu satu pelan perlindungan yang direka khas dengan bayaran serendah RM10.60 setahun untuk memberi perlindungan kemalangan sehingga RM306,000 kepada Orang Yang Dilindungi.

penajaan yang sangat menggalakkan daripada pemain industri pelbagai sektor.

Ronald berkata, MAFI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas pembelian pakej-pakej penajaan. Menurutnya, antara pembeli pakej penajaan MAHA 2022 termasuklah Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Bernas Padiberas Nasional Berhad dan FGV

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2022	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

## Komunikasi korporat laksana program perubahan berpaksikan rakyat

### SAUDARA PENGARANG,

**PERHUBUNGAN** awam (PR) adalah usaha berterusan yang sengaja dirancang untuk mempengaruhi pendapat umum yang baik dan tanggungjawab bagi pelaksanaan aktiviti berdasarkan kepuasan komunikasi dua arah, menurut Scott M. Cutlip dan Allen H. Center.

Sementara menurut Cutlip, Center dan Broom, PR adalah sebagai fungsi pengurusan berkait rapat usaha untuk membangun hubungan yang saling menguntungkan antara sesebuah organisasi dengan orang awam.

Peranan komunikasi korporat dalam era dunia tanpa sempadan selaras kepesatan teknologi komunikasi. Rakyat hari ini pantas mendapatkan maklumat untuk membantu mereka membuat keputusan dalam menjalani kehidupan seharian.

Peralihan teknologi digital era Revolusi Industri (IR) 4.0 mengubah cara bekerja komunikasi korporat, penguasaan teknologi berkenaan. Melangkah era digital memerlukan tatakelola kerja yang cekap dan dinamik.

Digital PR mempunyai matlamat penyampaian perkhidmatan yang pantas. Segala isu berbangkit perlu jawapan yang pantas. Ia merupakan matlamat dan penghargaan pihak berkepentingan agar dapat dicapai dengan impak tinggi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia menggariskan tiga perkara utama sebagai panduan kepada warganya. Ia dijadikan panduan oleh warga kementerian itu. Tiga perkara yang dimaksudkan adalah supaya warganya menjalankan tugas dengan amanah, sensitif terhadap persekitaran dan kesusahan orang lain dan memberikan perkhidmatan dengan berkesan, selanjutnya bersikap responsif iaitu tindakan yang dilakukan mempunyai jangkauan sasaran terhadap pihak berkepentingan dan akhirnya tindakan secara inovatif atau impak tinggi dapat diberikan kepada rakyat.

Rakyat merupakan pelanggan utama kementerian. Pendedahan terhadap falsafah dasar dan sebagainya meraikan perbezaan masyarakat berbilang kaum. Pengamal komunikasi korporat juga memainkan peranan dalam meningkatkan jalinan kerjasama strategik di peringkat organisasi masing-masing dalam semangat aspirasi Keluarga Malaysia.

Kerajaan diadili oleh rakyat pada setiap lima tahun dalam amalan demokrasi. Justeru, setiap tindakan kerajaan perlu memenangi hati dan jiwa rakyat agar sokongan dapat diterjemahkan dalam kotak undi nanti.

Sehubungan itu, komunikasi korporat perlu memainkan peranan proaktif dalam menyampaikan maklumat organisasi kepada masyarakat akar umbi serta memudahkan mereka menerima apa juga kerangka pembangunan yang dibawakan oleh kerajaan kepada rakyat tanpa perlu mempersoalkannya.

**YOSRI ABU MAHSIN**  
Putrajaya



## Tiada niat jual 'Tam' lembu sado

**SEREMBAN** - Pemilik lembu baka sado baka angus yang diberi nama 'Tam' tidak berhasrat menjual ternakan kesayangannya itu walaupun ada yang menawarkan pada harga tinggi.

Pemiliknya, Azrin Anil Khalid, 26, dari Kampung Tanjung Agas, Port Dickson berkata, lembu jantan seberat 730 kilogram (kg) yang mempunyai bulu hitam berkilat dan berotot itu sangat manja walaupun secara fizikal ia kelihatan garang.

"Saya sangat sayangkan Tam, menjadi rutin harian untuk memandikan dan memberi dia makan setiap hari, selain itu lembu sado ini lebih mudah didekati, bila selalu digosok makin jinak,

"Sebelum ini, ada seorang pen-ternak dari Rembau sanggup beli Tam pada harga lebih RM30,000, orang tawar harga lebih tinggi pun saya tidak akan jual," katanya ketika ditemui pada Pameran Lembu Sado di NS Fest 2022 di Dataran Nilai, di sini semalam.

Tam turut berjaya menarik perhatian juri sekali gus dinobatkan Johan dalam Pertandingan Baka Unggul (Kategori Pejantian Hibrid Sado) yang diadakan.

Ujarnya, Tam yang berusia dua tahun satu bulan itu dihasilkan menggunakan teknik Permainan Beradas (AI) dengan memasukkan benih baka lembu angus yang diimport dari Perancis ke dalam alat kelamin lembu

betina tempatan.

"Lembu ini mampu menghasilkan otot berganda dan saya baru pertama kali masuk pertandingan ini tidak sangka Tam menang.

"Baka Angus ini menghasilkan daging yang sedap untuk dibuat 'stik', masih jarang pen-ternak membela baka ini berbanding baka import lain seperti charolais, limosin, indra dan brahman merah," katanya.

Jelas Azrin Anil, dia yang meneruskan legasi keluarga dalam bidang penternakan kini beralih kepada lembu sado sejak tiga tahun lalu kerana pulangannya lebih dua kali ganda berbanding lembu kampung.



**AZRIN ANIL** (kanan) bersama lembu sado kesayangannya, Tam serta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Sembilan, Dr. Redzuan Ibrahim (dua dari kiri) di Dataran Nilai, Seremban semalam.



**AZRIN Anil Khalid (kanan) bersama lembu sado kesayangannya, Tam pada Pameran Lembu Sado sempena NS Fest 2022 di Dataran Nilai, Seremban. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN**

## Ditawar lebih RM30,000, Tam si lembu sado tak akan dijual

**SEREMBAN:** Pemilik lembu baka sado jenis Angus yang diberi nama 'Tam' tidak berhasrat menjual ternakan kesayangannya itu walaupun ada yang menawarkan pada harga tinggi.

Pemiliknya, Azrin Anil Khalid, 26, dari Kampung Tanjung Agas, Port Dickson berkata, lembu jantan seberat 730 kilogram (kg) yang mempunyai bulu hitam berkilat dan berotot itu sangat manja walaupun secara fizikal ia kelihatan garang.

"Saya sangat sayangkan Tam, menjadi rutin harian untuk memandikan dan memberi dia makan setiap hari, selain itu lembu sado ini lebih mudah didekati, bila selalu digosok makin jinak.

"Sebelum ini, ada seorang penternak dari Rembau sanggup membeli Tam pada harga lebih RM30,000, orang tawar harga lebih tinggi pun saya tidak

akan jual," katanya ketika ditemui pada Pameran Lembu Sado di NS Fest 2022 di Dataran Nilai di sini.

Tam turut berjaya menarik perhatian juri sekali gus dinobatkan johan dalam Pertandingan Baka Unggul (Kategori Pejantan Hibrid Sado).

Menurut Azrin Anil, Tam yang berusia dua tahun satu bulan itu dihasilkan menggunakan teknik peranakan beradas dengan memasukkan benih baka lembu Angus yang diimport dari Perancis ke dalam alat kelamin lembu betina tempatan.

"Lembu ini mampu menghasilkan otot berganda dan saya baru pertama kali masuk pertandingan ini, tidak sangka Tam menang.

"Baka Angus ini menghasilkan daging yang sedap untuk dibuat 'stik', masih jarang pen-

ternak membela baka ini berbanding baka import lain seperti Charolais, Limosin, Indra dan Brahman Merah," katanya.


Jelas Azrin Anil, dia yang meneruskan legasi keluarga dalam bidang penternakan kini beralih kepada lembu sado sejak tiga tahun lalu kerana hasil pulangnya lebih dua kali ganda.

"Penjagaan lembu sado ini sama seperti lembu tradisional diberi makan dedak dan rumput setiap hari.

"Hasil diterima juga sangat berbaloi, buat masa ini saya berhasrat untuk biakkan lagi lembu sado baka Angus ini," katanya.

Tambahnya, baka Angus itu diperoleh secara percuma daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan beliau turut menggalakkan penternak beralih kepada penternakan lembu sado.





**SEBANYAK 20** bubu naga dirampas di barat perairan Kuala Perlis pada petang kelmarin.

## APMM rampas 20 bubu naga di perairan Kuala Perlis

**KUALA PERLIS** – Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas sebanyak 20 set bubu naga di perairan ini pada kelmarin.

Bubu itu dikesan bot peronda APMM ketika dalam penugasan Op Aman dan Op Benteng Laut di kedudukan kira-kira 0.3 batu nautika dari barat Pulau Ketam pada pukul 4 petang.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd. Hashim Mat Zain berkata, kedudukan bubu naga itu dike-

san melalui pancang-pancang kayu yang mencurigakan di permukaan air.

"Tinjauan mendapati penanda lokasi di mana bubu naga dipasang oleh individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

"Kesemua bubu naga yang dianggarkan bernilai hampir RM1,600 itu dirampas dan dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu

kenyataan di sini semalam.

Katanya, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

"Segelintir nelayan di negeri ini dikesan masih guna bubu naga meski pun penggunaannya diharamkan Jabatan Perikanan sejak 1 November 2018.

"Tahap kesedaran yang rendah dalam komuniti nelayan serta keinginan kaut untung cepat," jelasnya.





ANGGOTA APMM Zon Maritim Kuala Perlis merampas bubu naga di 0.3 batu nautika dari perairan Pulau Ketam, Kuala Perlis.

## Kayu pancang dedah bubu naga

**Kangar:** Masalah penggunaan bubu naga yang diharamkan di sekitar perairan Perlis tampak seperti tiada noktahnya apabila sekali lagi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis merampas 20 set bubu kambang atau bubu naga, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, kewujudan bubu naga itu dikesan di kedudukan sekitar 0.3 batu nautika dari barat perairan Pulau Ketam, Kuala Perlis di sini kira-kira jam 4 petang.

"Bubu ini dikesan oleh bot peronda APMM yang sedang melaksanakan Op Aman dan Op Benteng Laur selepas curiga dengan pancang kayu yang mencurigakan di permukaan air sekitar perairan itu.

"Hasil tinjauan kita juga mendapati, pancang kayu itu adalah penanda lokasi tempat bubu naga dipasang oleh individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kesemua bubu naga yang dianggarkan bernilai hampir RM1,600 itu dirampas dan dibawa ke jeti APMM Zon Maritim Kuala Perlis bagi diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

Mohd Hashim berkata, segelintir nelayan di Perlis juga dikesan masih menggunakan bubu naga, walaupun penggunaannya sudah diharamkan Jabatan Perikanan Malaysia pada 1 November 2018.

"Tahap kesedaran yang rendah dalam komuniti nelayan serta keinginan mengaut untung yang cepat dan mudah antara punca penggunaan bubu naga masih berleluasa.

"Pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan," katanya.

Orang awam boleh membuat laporan, aduan dan kecemasan di laut dengan menghubungi APMM di talian 24 jam iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim APMM Zon Maritim Kuala Perlis di talian 04-9851072 atau 04-9851162.

# 20 bubu naga kena rampas di perairan Kuala Perlis

Rondaan Maritim Malaysia temui pancang kayu mencurigakan di permukaan air

Oleh Aizat Sharif  
bhnews@bh.com.my

**Kangar:** Masalah penggunaan bubu naga yang diharamkan di sekitar perairan Perlis terus berlaku dengan terkini, 20 set lagi peralatan menangkap ikan itu dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia Zon Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain, berkata semua bubu naga itu dirampas selepas dikesan pada kedudukan sekitar 0.3 batu nautika daripada barat perairan Pulau Ketam di Kuala Perlis, di sini sekitar jam 4 petang.

"Bubu ini dikesan hot peronda Maritim Malaysia menerusi Op Aman dan Op Benteng Laut di perairan negeri Perlis, susulan penemuan pancang kayu yang mencurigakan di permukaan air sekitar perairan itu.

"Hasil tinjauan mendapati, pancang kayu terbabit adalah penanda lokasi di mana bubu naga dipasang individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan semalam.

#### Tahap kesedaran rendah

Beliau mengakui segelintir nelayan di Perlis juga masih menjalankan kegiatan penangkapan ikan menggunakan bubu naga, walaupun penggunaannya sudah diharamkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia bermula 1 November 2018.

"Tahap kesedaran masih rendah di dalam komuniti nelayan serta keinginan untuk mengaut keuntungan cepat dan mudah antara punca penggunaan bubu naga masih lagi berleluasa," katanya.

Mengulas rampasan kelmarin,



Anggota Maritim Malaysia Zon Perlis menarik keluar set bubu naga yang ditemui di sekitar perairan Perlis. (Foto ihsan APMM)

Mohd Hashim berkata, semua bubu naga yang dirampas itu dianggarkan bernilai hampir RM1,600 dan dibawa ke jeti Maritim Malaysia Kuala Perlis untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tujuan tindakan

lanjut," katanya.

Katanya, pemilik bubu naga terbabit boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.



Program Jualan Prihatin Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Masjid Tanah

# Ayam RM6.50 sekilogram habis dalam dua jam

**Masjid Tanah:** Sebanyak 2,000 ayam berharga RM6.50 sekilogram yang jauh lebih rendah daripada harga siling RM9.40kg, habis dijual dalam tempoh dua jam pada program Jualan Prihatin Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Masjid Tanah, semalam.

Orang ramai juga tidak melepaskan peluang mendapatkan pakej seekor ayam, sepapan telur gred C dan sebungkus tiga jenis sayur hanya pada harga RM25 pada program bermula jam 8 pagi di pekarangan Stesen Bas dan Teksi Masjid Tanah Sentral.

Seawal jam 7.30 pagi, orang ramai sudah mula memenuhi lokasi seawal dan hujan lebat yang melanda kira-kira 9 pagi tidak menghalang mereka untuk mendapatkan barang keperluan pada harga murah, termasuk 10 jenis ikan, udang serta sotong yang dijual antara RM5 hingga RM28 sekilogram.

Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Wira Mas Ermieyati Sandun yang turut meluangkan masa melayan pelanggan, diban-



Mas Ermieyati (dua dari kanan) membantu menjual ikan pada program Jualan Prihatin Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Masjid Tanah, semalam.

tu petugas pusat berkenaan mengikut seliaan penyelarasan program, Dr Rashid Tang Abdullah.

Mas Ermieyati berkata, bagi setiap pakej pembelian seekor ayam, sepapan telur dan sebungkus sayur bernilai RM25, beliau menyediakan subsidi bernilai RM2 bagi membantu untuk meringankan beban komuniti menyeras kos bahan makanan yang

semakin meningkat.

### Bantu ringan beban

"Alhamdulillah, sambutan orang ramai amat menggalakkan dan kami tidak menghehalkan jualan hanya untuk B40, sebaliknya golongan berpendapatan sederhana juga diberi peluang membeli 'Insya-Allah program seperti ini akan diadakan lagi pada ma-



Orang ramai tidak melepaskan peluang membeli ayam yang dijual dengan harga RM6.50 sekilogram, semalam.

sa depan bagi membantu mengurangkan beban belanja harian anggota komuniti di kawasan ini," katanya yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).

Sementara itu, Dr Rashid berkata, program itu mendapat kerjasama baik pengusaha perikanan ayam dan telur, selain

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang membantu menyediakan bekalan 1,000 kilogram ikan.

"Ikan dibawa dari beberapa negeri dan ia mendapat sambutan amat menggalakkan daripada orang ramai yang tidak mahu melepaskan peluang membeli pada harga rendah," katanya.



## Agrobank perkenal Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022

Agrobank Bhd memperkenalkan pelan perlindungan baharu Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022 yang memumpunkan kepada golongan berpendapatan rendah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata pelan perlindungan itu seiring langkah bank dalam memainkan peranan menyokong pembangunan golongan yang kurang mendapat liputan dan perhatian.

Beliau berkata, bank sentiasa komited dalam memastikan golongan ini terus dilindungi dengan pelan perlindungan takaful.

Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022 katanya adalah pelan perlindungan yang direka khas bagi membantu segmen masyarakat yang berpendapatan rendah berumur dari 15 hari sehingga 75 tahun.

"Kami percaya rangkaian kewangan adalah ejen yang kukuh bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang stabil serta terangkum terutama untuk memperkasakan individu dan komuniti bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

"Kepercayaan inilah yang mendorong kami untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan kewangan yang mampu dimiliki terutama kepada komuniti yang kurang mendapat liputan dan perhatian," katanya dalam satu kenyataan.

Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022 dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee sempena dengan Partneran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa 2022 (MAHA 2022).

Tengku Ahmad Badli berkata, dalam usaha untuk memperkasakan golongan ini, Agrobank memperkenalkan pelbagai pelan perlindungan takaful dan program pembiayaan termasuklah Takaful Kasih Plus.

Beliau berkata, dengan premium serendah RM10.60 setahun, produk takaful ini mampu dimiliki serta menjadi alternatif kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan perlindungan takaful, khususnya golongan 40 peratus terbawah bagi isi runtuhan B40.

B40 katanya adalah kumpulan yang paling terkecas kepada ketidaktentuan ekonomi kerana mereka tidak memiliki perlindungan mencukupi untuk menghadapi sebarang kebarangkalian pada masa hadapan.

Justeru katanya, menerusi manfaat yang ditawarkan produk Takaful Kasih Plus ini, bank berharap pelan perlindungan takaful ini mampu membantu memberikan perlindungan dalam waktu yang sukar.

## PPK Asun, Agro Organic Nurture kerjasama tingkatkan hasil padi

JITRA -Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Asun muncul sebagai PPK pertama menjalin kerjasama pintar bersama syarikat swasta dalam menjana pendapatan selain dibimbing bagi meningkatkan hasil tanaman padi.

Ketua Pegawai Eksekutif Agro Organic Nurture, Hamdan Hanafi berkata, PPK Asun akan memainkan peranan sebagai agensi yang menawarkan alternatif baharu dalam penggunaan baja organik ke kawasan PPK lain, menerusi lima produk keluaran syarikat itu.

Menurutnya, syarikat itu berpengalaman dalam pembuatan baja organik, perkhidmatan semburan drone dan pengurusan ladang serta kerja-kerja lapangan di sawah padi telah memilih PPK Asun sebagai projek perintis.

"Pemasaran baja organik ini jika dipasarkan secara meluas akan dapat meningkatkan hasil tanaman selain memperluaskan tanaman organik dalam negara," katanya.

Terdahulu, majlis memorandum persetahanan usaha sama (MoU) ditandatangani antara Agro Organic Nurture (usahawan bimbingan) dengan PPK Asun (pembimbing usahawan) untuk pembekalan, promosi dan penjualan produk organik keluaran syarikat terbabit selama lima tahun.

Agro Organic Nurture diwakili Pengarah Urusannya, Muhammad Thaznim Hamdan manakala PPK Asun diwakili Pengerusinya, Arifin Ahmad, dan disaksikan oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan



Muhammad Thaznim (duduk, kiri) dan Arifin (duduk, tengah) menandatangani MoU sambil disaksikan oleh Zamri (dua dari kanan).

Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Zamri Yaakob.

Hamdan memberitahu, lima produk organik terbabit ialah baja booster, cuka kayu, pemuliharaan tanah, pereputan jerami dan serai wangi untuk kegunaan ladang, kebun dan sawah padi.

"Syarikat akan melakukan promosi dan pemasaran ke seluruh 217 PPK dan 157 kedai input pertanian PPK dalam negara. Kita akan perluaskan pasaran menerusi rangkaian PPK bagi menjamin bekalan mudah diperolehi, menepati keselamatan kualiti dan pada harga muhasabah.

"Penggunaan baja organik ini mampu meningkatkan pengeluaran tanaman, sekali gus meningkatkan taraf hidup dan pendapatan petani. Kami beri peluang

kepada PPK Asun untuk bersama menjadi peneraju baja organik dalam negara," katanya lagi.

Menurutnya, sebagai permulaan, 50 botol produk baja organik akan dipasarkan di semua kedai input pertanian PPK, yang mana PPK Asun akan memperoleh pendapatan 10 peratus daripada hasil jualan, manakala kos pengeluaran dan pemasaran ditanggung oleh syarikat.

Hamdan berkata, pihaknya turut menawarkan perkhidmatan di lapangan antaranya penyemburan baja menggunakan drone.

"Konsep yang ditawarkan adalah one-stop centre untuk kerja di sawah padi bermula dari membekal produk, proses awalan penanaman padi hingga tuai hasil," katanya.

## Sos Cili Allya bakal ke seluruh negara

**SELEPAS** produk keluaran syarikatnya mendapat sambutan di pasaran, pengusaha jenama Sos Cili Allya, Azizah Abu Hassan merancang membuka kilang memproses cili sendiri dalam tempoh terdekat.

Azizah, 47, atau lebih dikenali sebagai Faizah berkata, dia merancang membuka kilang memproses sos sendiri bagi memudahkan proses mengedarkan produk sos cili, cili mesin dan sos yong tau foo buatan sendiri itu ke seluruh negara.

"Sos Cili Allya semakin mendapat tempat di hati para pelanggan di sekitar Pulau Pinang dan Perak, jadi saya merancang untuk memasarkannya ke seluruh negara selepas ini.

"Sebelum ini saya hasilkan sos di rumah dan bengkel di Pantai Malindo di sini, namun

kini saya turut menghasilkan sos di bengkel yang lebih besar di kampung asal saya di Batu Kurau, Perak.

"Bagi mengedarkan sos ini ke seluruh negara, saya merancang membuka kilang pertengahan tahun depan dan berharap usaha ini dapat memperkenalkan jenama produk saya kepada orang ramai," katanya di sini baru-baru ini.

Mengulas kembali perjalanan bergelar usahawan sos, Azizah yang merupakan ibu kepada tiga anak berkata, dia memulakan perniagaannya itu sejak 2008 namun terpaksa berhenti setelah terbabit dalam kemalangan.

"Saya kemudiannya memulakan semula perniagaan pada 2018 dan bertahan sehingga kini.

"Nama jenama sos ini merupakan nama anak bongsu saya,

Allya dan saya bersyukur kerana jenama ini mempunyai peminatnya yang tersendiri di sekitar kawasan Utara terutama di Pulau Pinang, Perak dan Perlis," katanya.

Tambahnya, sos berkenaan merupakan resipi keluarga namun dia turut menghadii kursus yang dianjurkan Pertubuhan Peladang Kawasan Sri Balik Pulau bagi memperbaiki kualiti produk demi kepuasan hati pelanggan.

"Pada masa ini lebih 1,000 botol sos dapat dikeluarkan untuk dipasarkan kepada pelanggan tetap seperti peniaga kedai makanan, suri rumah dan turut dijadikan sebagai cenderahati majlis perkahwinan," katanya.

Azizah berkata, produksinya itu tidak menggunakan bahan pewarna dan 100 peratus asli.



**AZIZAH** Abu Hassan merancang mengembangkan operasi perniagaan Sos Cili Allya yang diusahakannya di Pantai Malindo, Balik Pulau, Pulau Pinang ke seluruh negara.